

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK SHAARY
[BACHOK]**

RUJUKAN : 10743

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kematian dan punca kematian bagi kawasan Bachok sejak 20 tahun yang lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 1999 hingga 5 Mac 2018, terdapat sebanyak 14,299 pendaftaran kematian yang diterima melalui JPN Daerah Bachok, Kelantan. 5 punca kematian yang tertinggi adalah sakit tua (6,593 orang), sakit jantung (377 orang), kencing manis (186 orang), *stroke* (144 orang) dan *acute coronary syndrome* (143 orang). Punca kematian yang direkodkan tersebut adalah berdasarkan laporan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan.